| EDISI NOV 2014 | NASKHAH PERCUMA | www.unisel.edu.my |

BULETIN unisel

UNIVERSITI SELANGOR

Shaping Society Mencorak Masyarakat

4

15 TAHUN PENUBUHAN BUKTI KOMITMEN BERTERUSAN

Years unisel UNIVERSITI SELANGOR 1999 - 2014

Sekapur Sireh Seulas Pinang

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Sepanjang perjalanan kita melalui liku zaman transformasi, bukan sedikit cabaran yang telah dan bakal kita hadapi. Cabaran paling getir adalah bagaimana untuk melonjakkan kualiti dan ekuiti pendidikan dalam tempoh yang terdekat. Kita sentiasa dituntut agar mampu melahirkan insan yang berupaya memacu kemajuan pesat negara dan mengisi keperluan sebuah masyarakat maju.

Ketahulilah, sesungguhnya peranan mencabar ini memerlukan pengorbanan serta komitmen yang tinggi. Kerjasama erat, kuat serta utuh yang terjalin demi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan cukup untuk membuktikan komitmen demi universiti tercinta ini. Tidak ada patah perkataan yang sesuai untuk digambar atau dicoretkan selain dari ucapan terima kasih secara umum buat semua warga universiti.

Demikian itu, bersempena sambutan 15 tahun penubuhan ini marilah kita semua terus berazam dan bertekad menjadi tulang belakang universiti bagi memacu kegemilangan untuk terkehadapan seiring dengan peredaran masa dan teknologi dalam pendidikan. Ini kerana masyarakat kini telah mengalami evolusi pemikiran yang bagus, mereka telah mula menilai dan mengukur akan pencapaian sesebuah universiti. Insy-Allah, kita semua mampu melaksanakannya.

Akhir dari saya, universiti adalah jantung bangsa yang berperanan membina tamadun dan kekuatan kita bersama. Menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk pelajar adalah satu-satunya wadah bagi melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, kreatif, inovatif dan berdaya saing. Modal insan inilah yang akan memacu kemajuan kita ke tahap yang lebih tinggi, lebih pesat, mapan, demi kesejahteraan dan kemakmuran masa depan kita bersama.

"Selamat Ulang Tahun Penubuhan Ke-15 wahai universiti ku..."

HASRIL ABU HASSAN
Ketua Editor

Sidang Editorial

Buletin UNISEL mengalu-alukan sebarang penulisan rencana, cadangan atau komentar yang membina. Sebarang pertanyaan hendaklah dialamatkan kepada:

Pejabat Komunikasi Korporat
Tingkat 5, Bangunan Satelit
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7
40000 Shah Alam
SELANGOR
Tel : +603-55223420
Email : corporate@unisel.edu.my
Website : media.unisel.edu.my

Penaung : **Prof Dr Anuar Ahmad**
Presiden dan Naib Canselor

Penasihat : **Hajah Fauziah Abd Rahman**
Ketua Pustakawan

Ketua Editor : **Hasril Abu Hassan**
Ketua Komunikasi Korporat

Editor : **Ahmad Norman Abu Talib**
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat

Penasihat Kreatif : **Sayuti Chik Tajudin**
Dekan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

Wartawan : Pejabat Komunikasi Korporat

Fotografi : Pejabat Komunikasi Korporat

Pembantu Editorial:
: Hasni Mohd Noor
: Nor Hasnida Mohd Hosni
: Aiman Mudzafar Mohamad Khairi
: Noor Faradia Fuad Goh

KANDUNGAN

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

4. 15 tahun penubuhan bukti komitmen berterusan

6. Fakulti Kejuruteraan sentiasa terima akreditasi

7. Pensyarah Fakulti Kejuruteraan UNISEL, Ir Mohd Shukri dipilih wakil negara ke Jepun

UNISEL, MSSA jalin kerjasama promosi penggunaan keluli

8. Fakulti pertama tawar fisioterapi dan diagnosis kepada pesakit luar

9. Prof Madya Dr Mohd Nazil saintis pertama negara dianugerahkan Chartered Scientist (CSci)

Hormati dan hargai perbezaan dapat lahirkan pemimpin berkaliber

10. Graduan Komunikasi dan Media diterima baik industri

11. UNISEL dipilih PBB anjurkan persidangan antarabangsa 'Engaged Learning'

Isu perubahan iklim perlu perhatian semua pihak

12. Mahu lahirkan usahawan, bantu graduan

13. Universiti Wuhan dan UNISEL jalin kerjasama akademik

Pupuk minat generasi muda terhadap sains dan teknologi

14. Mahu Fakulti Sains dan Bioteknologi terkenal dengan hasil penyelidikan

15. UNISEL tandatangani MoU bersama syarikat Kayu Gaharu Sdn Bhd

Pelajar UNISEL bolot johan serta naib johan pertandingan 'Minggu Pembinaan Antarabangsa'

16. Tambah tiga program baru untuk tarik pelajar

17. Perangi ekstremisme bagi banteras kejahilan dalam diri

Kepercayaan Ustaz Azhar Idrus kebanggaan universiti

18. Sasar Pusat Pengajian Asasi dan Umum terkemuka di Asia Tenggara

19. UNISEL punyai reputasi baik-Rektor UNRIKA

Semua pihak perlu jadi ejen perubahan bantu OKU

20. Fakulti Perniagaan mahu contohi Universiti Harvard

21. Universiti Hatyai mahu jalin kerjasama dengan UNISEL

Ibu bapa, pelajar puas hati keadaan asrama UNISEL yang baru

22. Pusat Pengajian Siswazah diiktiraf di peringkat antarabangsa

23. Tenaga pengajar komited.

15 TAHUN PENUBUHAN BUKTI KOMITMEN BERTERUSAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Sekalung tahniah kepada Pejabat Komunikasi Korporat dengan terhasilnya 'Buletin Khas' sempena sambutan 15 Tahun Penubuhan Universiti Selangor (UNISEL) kali ini. Besar harapan saya agar buletin ini mampu menjadi wadah kepada warga universiti untuk berkongsi idea, ilmu, pengalaman dan kepakaran dan seterusnya menjadi landasan pembudayaan ukhwah sesama kita dengan masyarakat luar.

Sepintas daripada saya, Universiti Selangor (UNISEL) yang dahulunya dikenali dengan Universiti Industri Selangor telah ditubuhkan pada 23 Ogos 1999, yang genapnya tempoh 15 tahun penubuhannya iaitu pada 23 Ogos 2014. Tempoh ini dilihat semakin mencabar dengan apa yang telah ditemphi selama ini. Marilah kita berdoa agar universiti ini berada pada landasan yang betul untuk terus mengorak langkah ke hadapan.

Penubuhan UNISEL juga seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor sebagai hub pendidikan serantau yang terunggul. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) ke-7 di Malaysia sebelum ini, UNISEL memiliki keunikan tersendiri kerana ia adalah universiti milik Kerajaan Negeri yang pertama di Malaysia. UNISEL kini beroperasi di dua kampus iaitu di kampus induk berkeluasan 1000 ekar di Bestari Jaya, Kuala Selangor dan 'City Campus' di Shah Alam.

Jika di awal penubuhan UNISEL pada tahun 1999 dengan hanya bilangan pelajar hanyalah 199 orang, kini seramai lebih 11,000 pelajar sedang menuntut ilmu di kedua-dua kampus. Jika pada peringkat awal kita hanya mempunyai tiga program pengajian sahaja, sekarang sebanyak 89 program pengajian meliputi hampir kesemua aspek disiplin keilmuan telah diperkenalkan dan mendapat akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan pengiktirafan badan profesional yang berkaitan.

Terkini, terdapat lapan fakulti bagi kedua-dua kampus, empat di kampus Bestari Jaya iaitu Fakulti Sains & Bioteknologi, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan & Sains Sosial. Manakala di 'City Campus' Shah Alam pula terdapat Fakulti Komunikasi & Media, Fakulti Bioperubatan & Sains Kesihatan, Fakulti Perniagaan, dan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka. Perkembangan UNISEL juga dapat dilihat daripada fizikal kampusnya yang disasar akan menjadi salah sebuah kampus serba lengkap.

Kita mempunyai tenaga pengajar yang ramai dan berkualiti dengan lebih 40 peratus mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan selebihnya berkelulusan Master. UNISEL turut memiliki pelbagai kemudahan yang terbaik setanding dengan universiti antarabangsa lain bagi kegunaan pelajar. UNISEL juga turut membantu pelajar dalam mendapatkan ban-

"janji kami semua disini adalah untuk sentiasa menilai kembali tentang pencapaian UNISEL dan mempertingkatkannya serta memperteguh azam untuk sama-sama memajukan universiti sebagai wadah ilmu yang kita harapkan demi kebaikan generasi akan datang."

tuan kewangan dari badan-badan penaja seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Yayasan Negeri, Dana Biasiswa Karangkraf dan sebagainya.

Dalam konteks integriti, kredibiliti dan keupayaan, UNISEL sentiasa memastikan kepentingan ilmu dan pelajar mengatasi kepentingan lain. Peranan UNISEL sebagai gedung ilmu yang melahirkan pemikir, akademia dan pemimpin masyarakat terus dilestarikan tanpa kompromi. Ini termasuklah, inisiatif menggabungkan pertukaran pengalaman, program kepimpinan, pengalaman latihan industri dan kerja sukarela serta peluang pendidikan pasti dapat digunapakai sebagai asas kepada kerjaya yang cemerlang kelak.

UNISEL juga sentiasa cuba menjangkau apa yang telah sedia diketahui kepada menjelajahi sesuatu yang belum lagi diketahui bagi mewujudkan kemahiran dan teknologi yang baru dan lebih baik supaya dapat bersaing seiring dengan kepesatan pertumbuhan ekonomi. Pembabitan UNISEL dalam menawarkan program pengajian sentiasa relevan dengan keperluan semasa terhadap usaha melahirkan graduan yang berwibawa dan memenuhi kehendak pasaran industri masa kini.

Demikian itu, sempena 15 tahun penubuhan UNISEL, janji kami semua disini adalah untuk sentiasa menilai kembali tentang pencapaian UNISEL dan mempertingkatkannya serta memperteguh azam untuk sama-sama memajukan universiti sebagai wadah ilmu yang kita harapkan demi kebaikan generasi akan datang.

PROF DR ANUAR AHMAD
Presiden & Naib Canselor

Dr Salina

Kemudahan untuk melakukan kerja-kerja kejuruteraan

Makmal lengkap disediakan di fakulti

FAKULTI KEJURUTERAAN SENTIASA TERIMA AKREDITASI

Fakulti Kejuruteraan Universiti Selangor (UNISEL) sentiasa mendapat akreditasi dari Engineering Accreditation Council (EAC). Terbaru fakulti berkenaan diberi akreditasi selama tiga tahun sehingga 2016 akan datang.

Dengan adanya akreditasi tersebut maka pelajar boleh mendaftar dengan Board of Engineer di seluruh dunia.

Ia kerana badan tersebut diperakui di seluruh dunia dan akreditasi tersebut sangat penting bagi memastikan UNISEL dapat mengambil pelajar baru setiap semester.

Fakulti menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti disarankan oleh EAC. Kaedah Objective Based Education digunakan dengan merangka sepenuhnya model dari awal pelajar masuk hingga bergelar graduan.

Ia bagi mempersiapkan para pelajar untuk memastikan lulus semua program. Bukan itu sahaja malah sebagai persediaan bagi pelajar memenuhi kriteria sebagai seorang jurutera kelak.

80 peratus pelajar lulusan fakulti ini mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Ia secara tidak langsung membuktikan graduan UNISEL diterima baik di dalam industri kejuruteraan.

Dalam pada itu, setiap semester bagi kursus tertentu, pelajar dibawa melawat ke kawasan industri sebagai pengenalan dan memberi pendedahan mengenai situasi sebenar alam pekerjaan.

Malah fakulti menjemput jurutera untuk mengadakan ceramah berkongsi pengalaman bersama para pelajar. Fakulti menawarkan 11 program dari Diploma hingga ke Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dilengkapi dengan 30 makmal serta 40 kelas.

Fakulti ini juga mempunyai tenaga pengajar paling ramai iaitu 78 orang berbanding fakulti lain. Kebanyakan pensyarahnya masih muda dan bertenaga di mana sistem mentor-mentee diterapkan.

Pelajar fakulti ini juga pernah mengharumkan nama UNISEL di peringkat antarabangsa apabila menjuarai Pertandingan CanSat Nano Satelit Antara Varsiti Dunia di Madrid, Sepanyol pada 2008.

Dua pelajar fakulti ini juga menerima anugerah pingat emas daripada Institute of Engineering Malaysia (IEM) bagi 2012 dan 2013.

Dekannya, Dr Salina Muhamad turut mencadangkan supaya sukan melibatkan fakulti antara staf dan pelajar diadakan kembali.

Dengan adanya sukan, ia boleh meningkatkan kembali motivasi kakitangan serta penuntut. Bahkan boleh merapatkan hubungan silatulrahim antara semua pihak.

Ia juga untuk membantu meningkatkan perubahan diri semua pihak bagi meningkatkan daya saing. Selain itu, dalam mencapai status universiti terbaik UNISEL sepatutnya menetapkan garis panduan kepada semua fakulti.

Ia boleh dimulakan dengan memberikan anugerah kakitangan atau pun fakulti terbaik. Daripada itu, ia akan menghasilkan fakulti terbaik apabila masing-masing bersaing untuk merebut gelaran.

Bagi para pemenang akan diberi insentif supaya semua pihak bersemangat untuk mencapainya.

Sasar tingkat bilangan pelajar

Fakulti kini mensasarkan untuk meningkatkan pelajar kepada 1,000 orang berbanding 550 pelajar yang sedia ada sekarang.

Pihak pentadbiran yakin sasaran tersebut dapat dicapai memandangkan asrama bagi tujuan penempatan pelajar sudah siap sepenuhnya.

Dr Salina berkata, beliau berharap UNISEL dapat menyediakan persekitaran yang kondusif dalam memastikan keselesaan semua pihak.

Beliau percaya faktor persekitaran yang kondusif akan menyumbang kepada menarik lebih ramai pelajar untuk menyambung pelajaran di UNISEL.

Setiap kakitangan serta pelajar perlu mempunyai perasaan sayang dan komited terhadap UNISEL. Dr Salina berkata, kedua-dua elemen tersebut saling bergantung antara satu sama lain. Beliau berharap UNISEL akan mencapai status universiti ternama di negara ini suatu hari nanti.

PENSYARAH FAKULTI KEJURUTERAAN UNISEL, IR MOHD SHUKRI DIPILIH WAKIL NEGARA KE JEPUN

Ir Mohd Sukri

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Universiti Selangor (UNISEL), Ir Mohd Shukri Yob terpilih sebagai wakil tunggal dari negara ini daripada 15 negara ke Program 'Establishing Knowledge Cluster Through University-Industry- Government (U-I-G) Cooperation -Regional Industry Cluster Development di Jepun selama sebulan bermula 1 Oktober lalu.

Program ini merupakan usahasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan Japan International Corporation Agency (JICA) demi memberikan pendedahan dan pendekatan kluster yang berkesan untuk membangunkan sektor perindustrian dalam negara melalui interaksi multi-nasional.

Seramai 15 orang peserta dipilih terdiri dari Malaysia, Myanmar, India, Mexico, Brazil, Tunisia, Kenya, Kazakhstan, Indonesia, Mesir, China dan Vietnam.

UNISEL mengucapkan tahniah kepada Mohd Shukri yang terpilih untuk mewakili negara.

Semoga dengan pencapaian ini akan menaikkan semangat staf UNISEL untuk terus meningkatkan prestasi dan mempunyai kemahiran yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Mohd Shukri berkata, beliau berharap segala pengalaman ditimbanya selama sebulan berada di Jepun akan digunakan sebaiknya apabila pulang ke negara ini.

"Saya nak tengok bagaimana mereka membangunkan polisi industri automotif di sana. "Pengalaman berharga diperoleh diharap dapat dibawa pulang ke Malaysia khususnya UNISEL dalam melihat bagaimana universiti dapat berperanan untuk menyokong keperluan industri," katanya.

Kakitangan Fakulti Kejuruteraan bersama Prof Dr Anuar dan MSSA

UNISEL, MSSA JALIN KERJASAMA PROMOSI PENGGUNAAN KELULI

UNISEL dan MSSA menandatangani MoU

Universiti Selangor (UNISEL) bersama Malaysian Structural Steel Association (MSSA) menjalin kerjasama melalui memorandum persefahaman (MoU) dalam mempromosikan penggunaan keluli kepada para pelajar khususnya jurusan Kejuruteraan Awam.

MoU ini adalah hasil perbincangan yang diadakan pada Ogos tahun lalu dan selepas mendapat beberapa penerangan dari MSSA.

Perkara ini kemudian dibincangkan di peringkat mesyuarat eksekutif UNISEL sehingga kedua-dua pihak mencapai persetujuan untuk menandatangani MoU seterusnya melibatkan diri di dalam kursus serta aktiviti ditawarkan oleh MSSA.

Sesi menandatangani MoU yang dijalankan

Sebagai salah satu institut pengajian tinggi (IPT) menawarkan program kejuruteraan khususnya program kejuruteraan awam, ini merupakan peluang baik untuk penambahbaikan kepada proses pembelajaran serta pengajaran kepada para pelajar.

Malah penglibatan para pelajar di dalam pertandingan dianjurkan MSSA seperti Open Idea Competition (OIC) akan memberi lebih banyak peluang kepada mereka untuk mempersembahkan kreativiti daripada aspek pengstrukturan keluli di dalam pembinaan.

UNISEL berharap MoU ini akan membuka lebih banyak peluang kepada pensyarah-pensyarah untuk terlibat sama di dalam kursus-kursus anjuran MSSA dan syarikat yang berkolaborasi sama ada di dalam atau luar negara.

Prof Madya Dr Mohd Nazil

Para pelajar sedang belajar teknik bagaimana merawat pesakit

FAKULTI PERTAMA TAWAR FISIOTERAPI DAN DIAGNOSIS KEPADA PESAKIT LUAR

Fakulti Bioperubatan dan Sains Kesihatan Universiti Selangor (UNISEL) merupakan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) pertama di negara ini yang menawarkan perkhidmatan Pusat Fisioterapi dan Makmal Klinikal Diagnostik kepada orang awam.

Pusat dan klinik dirasmikan pada 22 April lalu secara tidak langsung membanggakan universiti dalam mencipta nama di dalam bidang sains kesihatan.

Fakulti sedang giat mempromosikan kedua-dua pusat itu bagi menarik lebih ramai lagi pesakit luar untuk mendapatkan rawatan. Pesakit akan dicaj serendah RM65 bagi rawatan namun kosnya bergantung kepada jenis sakit.

Dekannya, Prof Madya Dr Mohd Nazil Salleh berkata, lebih banyak peralatan digunakan bagi merawat seseorang pesakit maka lebih tinggi kosnya.

Peralatan yang ada sangat mencukupi untuk tujuan merawat pesakit. Rawatan juga diadakan berdasarkan temujanji yang ditetapkan oleh pesakit.

"Sekarang kita tengah promosi fisioterapi dan makmal diagnosis. Pusat pertama di kalangan IPTS tawar perkhidmatan kepada pesakit luar.

"Tahap piawaian setara dengan pusat yang ada di pasaran. Kita wujudkan di dalam kampus ini (Shah Alam).

Ujian rawatan yang dijalankan oleh pelajar

Tagih kepercayaan masyarakat

Prof Madya Dr Mohd Nazil berkata, para pelajar akan mendapat faedah melalui fasiliti yang dibangunkan ini kerana mereka mendapat pendedahan serta pengalaman.

Namun demikian, buat masa ini ia tidak dikendalikan oleh para pelajar kerana semuanya diselia oleh kakitangan fakulti.

Ia bagi memastikan perkhidmatan diberikan kepada pesakit adalah yang terbaik dalam usaha mewujudkan keyakinan kepada pelanggan.

Mungkin suatu hari nanti para pelajar akan diberi peluang untuk menjalani latihan praktikal di kedua-dua pusat tersebut.

Fakulti mensasarkan untuk mendekatkan diri dengan masyarakat dengan mengadakan pelbagai program kesihatan. Ia adalah salah satu usaha dalam mempromosikan fakulti kepada masyarakat.

Antara langkah diambil adalah mengadakan ujian saringan kesihatan.

Dalam pada itu, langkah Kementerian Kesihatan mengadakan kerjasama dengan fakulti dengan menghantar kakitangannya untuk mengikuti program ijazah adalah bukti kepercayaan agensi kerajaan terhadap UNISEL.

Sijil profesional tambahan naik 'saham' pelajar

Fakulti merangka usaha untuk mewajibkan para pelajar mendapatkan sijil profesional tambahan.

Dengan adanya sijil ini, ia merupakan nilai tambah kepada pelajar untuk menceburi alam pekerjaan kelak.

Ini merupakan satu faktor graduan UNISEL berpotensi untuk diambil bekerja di hospital kerajaan mahupun swasta.

Itu adalah sasaran ditetapkan oleh fakulti di mana ia sudah pun bermula pada tahun ini.

"Sebagai contoh bagi mereka di dalam bidang makmal perubatan kita wajibkan ambil lesen untuk ambil darah kerana bukan semua ada kebenaran untuk melakukan ini.

"Selepas mereka dapat sijil, ia akan jadi sijil tambahan untuk naikkan 'saham' mereka untuk mendapatkan pekerjaan," katanya.

Kemudahan yang ada di fakulti untuk merawat pesakit

Permintaan untuk graduan UNISEL memang semakin lama semakin meningkat.

Pelajar UNISEL lebih mudah mendapat tempat di dalam industri maka sebab itu fakulti menekankan para pelajar supaya terlibat dengan program bersama hospital kerajaan dan swasta.

Buat masa ini fakulti sedang bergerak ke arah positif dan sekiranya terdapat sebarang masalah ia diselesaikan segera. Semua berjalan lancar mengikut kehendak ditetapkan oleh pengurusan universiti.

Malah semua program fakulti juga mendapat akreditasi bagi memastikan pelajar tidak menghadapi sebarang masalah. Buat masa ini, fakulti menanti empat kakitangan yang akan tamat pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Ia sedikit sebanyak akan membantu pengurusan fakulti serta universiti secara amnya apabila kesemua kakitangan tersebut kembali berkhidmat.

Prof Madya Dr Mohd Nazil berazam melahirkan pelajar profesional di dalam bidang kesihatan dengan memastikan semua program mendapat pengiktirafan.

"Jika dilihat dari sejarah, graduan kita memang ramai dapat tempat di hospital swasta, senang dapat kerja dan kita bersyukur kerana itu yang diharapkan.

"Ini juga menjadi indikator bahawa kakitangan pentadbiran serta akademik menjalankan tugas dengan baik dalam mendidik para pelajar," katanya.

Dunia hari ini adalah sangat kompetitif dan dengan penerimaan orang luar terhadap pelajar fakulti ini ia membuktikan kewibawaan UNISEL.

Prof Madya Dr Mohd Nazil menerima anugerah berkenaan

PROF MADYA DR MOHD NAZIL SAINTIS PERTAMA NEGARA DIANUGERAHKAN CHARTERED SCIENTIST (CSci)

Tahniah dan syabas buat Prof Madya Dr Mohd Nazil Salleh, Dekan Fakulti Bioperubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Selangor (UNISEL) sempena anugerah Chartered Scientist (CSci) oleh Council Science, United Kingdom pada 3 Sept lalu.

Beliau merupakan saintis Malaysia pertama mendapat pengikfirafan melalui IBMS Chartered Scientist yg diberikan melalui Council Science. Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan tertinggi yang diberikan oleh Council Science kepada profesional 'Association Body' di United Kingdom.

Terdapat lebih 30 badan profesional yang berdaftar dengan British Council. Manakala Institute Biomedical Science (IBMS) adalah merupakan badan profesional yang bernaung dibawah Council Science dimana terdapat tiga orang 'fellow' (FIBMS) dari Malaysia. Beliau yang berkhidmat lebih enam tahun di UNISEL, adalah merupakan seorang dekan, pensyarah malah 'saintis' yang banyak menyumbang tenaga serta idea dalam keterlibatan menerusi bidang sains dan bioperubatan.

Banyak hasil penulisan serta penyelidikkan beliau diguna pakai di peringkat antarabangsa amnya serta di universiti khususnya. Sekali lagi, diucapkan jutaan tahniah kepada Prof Madya Dr Mohd Nazil kerana berjaya mendapat anugerah tersebut sekaligus merupakan saintis pertama dari Malaysia yang memperolehinya.

Kejayaan besar ini cukup membanggakan pihak universiti serta seluruh warga UNISEL secara keseluruhannya. Sememangnya kejayaan ini berjaya mengharumkan nama UNISEL di tanah air serta antarabangsa amnya.

Anugerah demi anugerah, kemenangan demi kemenangan bahkan tidak keterlaluan kecemerlangan demi kecemerlangan yang diperolehi oleh dekan, pensyarah, pelajar serta warga universiti secara keseluruhan mengambarkan kualiti serta mutu pendidikan di UNISEL sebenarnya melangkaui sempadan jangkaan selama ini.

Berikut juga sebagai bukti komitmen jelas pihak pengurusan untuk terus memberikan perkhidmatan berorientasikan pendidikan terbaik selama ini.

HORMATI DAN HARGAI PERBEZAAN DAPAT LAHIRKAN PEMIMPIN BERKALIBER

Budiman yang turut menyertai wacana berkenaan

Dr Halimah (enam, kiri), Budiman (empat, kanan) bersama pengurusan kanan UNISEL

Para pelajar perlu belajar menghargai dan menghormati perbezaan dalam memastikan dapat melahirkan pemimpin pada masa akan datang demi negara.

Meraikan perbezaan walaupun berlainan ideologi atau falsafah adalah sangat penting kerana semua pihak datang daripada latar belakang berlainan.

Bekas Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali menyarankan supaya para pelajar diberi lebih banyak pendedahan dalam menghayati perbezaan.

Dr Halimah berkata, perkara tersebut adalah penting bagi mencorak masa depan negara dalam melahirkan pemimpin yang berkaliber.

Pelajar juga perlu ditanamkan dengan kemahiran untuk membuat penilaian sebelum membuat keputusan memilih sesuatu perkara.

Untuk mencapai sasaran tersebut, institut pengajian tinggi (IPT) perlu mengadakan lebih banyak program melibatkan pelbagai perspektif.

Sebagai contoh program Wacana Pendidikan Melahirkan Pemimpin Masa Hadapan anjuran Universiti Selangor (UNISEL) yang menjemput beliau sebagai panel mewakili Kerajaan Negeri dan Adun Sungai Panjang dari Barisan Nasional (BN), Budiman Zohdi.

Menurutnya, idea menjemput dua wakil parti politik berlainan ideologi di dalam satu pentas membincangkan suatu isu adalah amat bernas dalam mendidik para pelajar untuk berfikir.

"Mungkin kita dapat lahirkan pemimpin politik pada masa akan datang yang boleh menghargai dan menghormati perbezaan kerana kita semua datang daripada latar belakang berbeza.

"Kalau berhujah berdebat pun secara beradab. Ini budaya kita mahu lahirkan sebab itu mulakan di institut pengajian tinggi dan harap program-program seperti ini dapat ditambah untuk mewujudkan budaya positif.

"Boleh cambah program-program budaya positif seperti ini," katanya selepas wacana tersebut yang turut menampilkan Ketua Pusat Kajian E-Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Supyan Hussin selaku panel serta moderator UNISEL, bekas Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Prof Dr Mohd Nor Nawawi.

Wacana tersebut membincangkan mengenai kepentingan pendidikan dalam melahirkan generasi pemimpin pada masa akan datang.

Ia juga sebagai mengubah perspektif di mana selama ini hanya wakil daripada satu pihak sahaja dijemput di universiti.

Melalui program-program seperti ini ia dapat memberi pendedahan serta mematangkan para pelajar.

Budiman berkata, pelajar serta rakyat perlu diberi peluang untuk mendapat maklumat daripada kedua-dua pihak sebelum membuat penilaian.

"Hari ini kita bersatu hati di atas isu pendidikan kerana impaknya melibatkan semua pihak.

"Saya boleh bersetuju dan tidak bersetuju dengan hujah-hujah dikemukakan," katanya.

Wacana ini merupakan kali pertama diadakan di UNISEL dan ia diharap menjadi pencetus kepada IPT di seluruh negara.

Naib Canselor UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad berkata, beliau berharap para pelajar UNISEL dapat mengadakan lebih banyak program seumpama ini.

Prof Dr Anuar berkata, negara akan maju sekiranya budaya seperti ini diterapkan sejak di peringkat universiti.

"Saya dapat respon positif daripada para pelajar mengenai wacana ini kerana mereka tidak mahu didoktrin untuk menerima sesuatu pendapat," katanya.

Prof Dr Azmuddin

Pelajar sedang sibuk mengadakan rakaman

GRADUAN KOMUNIKASI DAN MEDIA DITERIMA BAIK INDUSTRI

Graduan Fakulti Komunikasi dan Media Universiti Selangor (UNISEL) sememangnya diterima baik di dalam industri tersebut.

Kebanyakan pelajarnya mudah diterima masuk untuk bekerja di mana-mana syarikat penerbitan akhbar mahupun di dalam industri penyiaran.

Walaupun fakulti tersebut baru sahaja 'lahir' sejak 2008 namun graduannya sudah mula diterima baik oleh industri media.

Bukan sekadar 'syok sendiri' namun ia diakui sendiri dan bagaikan satu kepuasan apabila melihat graduan UNISEL berjaya di bidang masing-masing.

Dekannya, Prof Dr Azmuddin Ibrahim menyifatkan perkara tersebut merupakan satu kepuasan baginya selaku pendidik menabur bakti dalam memastikan dapat melahirkan pelajar yang dapat berkhidmat di dalam industri pada masa akan datang.

"Kita bukan syok sendiri tetapi memang perkara ini diakui walaupun kita baru sahaja bertapak sebagai contoh bila lihat byline pelajar kita di surat khabar memang rasa puas hati dan seronok kerana usaha kita dapat hasilkan pelajar-pelajar berjaya.

"Kita bukan hanya lihat daripada aspek pekerjaan. Sebab itu kita ada projek-projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) supaya mereka berguna kepada masyarakat kerana apa yang penting menyumbang kepada masyarakat," katanya.

Malah fakulti berjaya menghasilkan projek menarik dengan menjadikan Aidcom sebahagian unitnya.

Ia bukan sahaja penting kepada fakulti tetapi UNISEL kerana Aidcom merupakan sebuah badan di bawah UNESCO sudah wujud lebih 20 tahun di Malaysia.

Lebih membanggakan Aidcom hanya terdapat satu sahaja di negara ini dan UNISEL dipilih.

Pelanggan Aidcom adalah universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia maka secara automatik jurnal UNISEL berada di universiti-universiti tersebut.

Malah dengan pelancaran TV UNISEL sebelum ini tidak dijangka kerana fakulti tidak menawarkan program penyiaran.

"Ia menjadi kekaguman pihak luar kerana kita percaya dalam perkembangan industri media seseorang itu tak boleh hanya ada pengalaman menulis tetapi tahu hal teknikal kerana teknologi sudah berbeza.

'Kita juga tubuhkan Image East untuk pengiklanan untuk beri peluang pelajar praktikkan secara realiti menguruskan pelanggan," katanya.

Selain itu, suratkhabar The Voice hasil penerbitan para pelajar juga diwujudkan berkonsepkan laporan seimbang seperti diajar di dalam kuliah.

Cabaran utama

Fakulti tersebut kini mempunyai seramai 18 kakitangan akademik dan juga lima awam manakala jumlah pelajar sedia ada seramai 750 orang.

Prof Dr Azmuddin berazam mahu meningkatkan jumlah pelajar fakulti itu sebanyak 1,500 pada masa akan datang. Fakulti sudah berjaya melahirkan dua kumpulan graduan sejak ditubuhkan.

Baginya, walaupun UNISEL merupakan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) tetapi ramai kakitangannya terutama di bidang akademik merupakan mereka berpengalaman kerja di institut pengajian tinggi awam (IPTA).

"Walaupun pengalaman bidang masing-masing mendalam serta meluas namun agak sukar untuk membangunkan dari sudut etika kerja yang berbeza kerana sebagai IPTS perlu imbangkan sumbangan kepada pelanggan tetapi pada masa sama pastikan dapat capai keuntungan daripada aspek kewangan.

"Dua perkara ini perlu diseimbangkan ," katanya.

Prof Dr Azmuddin menyifatkan cabaran utama adalah memastikan semua kakitangan perlu beri sumbangan untuk majukan fakulti ke tahap maksima. Malah beliau tidak menolak aspek bantuan dan sokongan daripada universiti turut menjadi cabaran.

Fakulti tersebut banyak menjalankan program dengan masyarakat bagi melibatkan pelajar dengan dunia luar. Ia berkonsepkan kesinambungan dan bukan sekadar 'touch n go'.

Beliau menyifatkan kerjasama dijalinkan dengan universiti antarabangsa secara tidak langsung memberi faedah kepada UNISEL.

Dua buah universiti di Turki iaitu Universiti Suleyman Demirel dan Universiti Attaturk menjalinkan kerjasama melalui pertukaran pelajar dan pensyarah.

Dengan terjalin kerjasama seumpama ini ia bakal memberi faedah kepada pelajar serta pensyarah untuk timba pengalaman berbeza.

Semua yang dilaksanakan adalah sejajar dengan misi dan visi UNISEL dalam melahirkan graduan profesional yang beretika dan dekat dengan masyarakat.

Kelengkapan peralatan yang terdapat di studio

Prof Dr Anuar menyampaikan cenderamata kepada Dr Halimah

UNISEL DIPILIH PBB ANJURKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA 'ENGAGED LEARNING'

SHAH ALAM – Persidangan Antarabangsa 'Engaged Learning' Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk Pembangunan (ICTD) Kurikulum Universiti anjuran Universiti Selangor (UNISEL) mendapat penyertaan delegasi terdiri daripada ahli akademik 23 negara seramai 120 orang pada 3 Jun lalu.

Program yang berlangsung di Hotel Concorde selama tiga hari itu dirasmikan dan diakhiri oleh bekas Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali.

Persidangan ini turut dihadiri Pengerusi Aidcom, Datuk Kadir A Jasin, Naib Canselor UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad, Pengarah UN-APCICT/ESCAP, Dr Hyeun-Suk Rhee dan Profesor Emeritus Antarabangsa Universiti Cornell, Amerika Syarikat, Dr Royal Colle.

UNISEL merupakan universiti pertama dipilih oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menganjurkan persidangan yang kali pertama diadakan di luar Eropah.

Persidangan tersebut kali pertama diadakan di Geneva, Switzerland pada 2003 diikuti Tunis, Tunisia (2005) dan kali terakhir di Madrid, Sepanyol pada 2005. Persidangan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat bersama delegasi bagi mewujudkan 'Engaged Learning' di dalam kurikulum universiti.

Ia bertujuan untuk mendidik para pelajar supaya lebih dekat dengan masyarakat sekaligus menabur bakti kepada komuniti. Bukan sahaja boleh bekerja dengan baik tetapi mampu membantu masyarakat selari dengan usaha PBB untuk menghapuskan kemiskinan dan memberi pendidikan kepada semua golongan khususnya kanak-kanak.

Dalam persidangan selama tiga hari ini, panel yang dijemput membentangkan kertas kerja masing-masing untuk dikongsi bersama delegasi. Terdapat sebanyak 12 sesi yang diaturkan untuk persidangan kali ini.

Kesemua delegasi boleh bertanya dan bertukar pandangan dalam memberi serta menambah idea untuk kegunaan pada masa akan datang.

Dalam perkembangan sama, Naib Canselor UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad berkata, beliau sedang mengusahakan meningkatkan kemampuan ICT UNISEL.

Prof Dr Anuar berkata, beliau sudah merujuk perkara tersebut kepada Kerajaan Negeri mengenai segala perancangan yang dibuat. Menurutnya, UNISEL juga mensasarkan untuk memulakan pendidikan secara hybrid bermula tahun depan.

"Pendidikan hybrid adalah menggunakan kemudahan ICT dan bilik darjah di mana 30 peratus melibatkan ICT di dalam kurikulum. "Kita harap kerajaan negeri meluluskan permohonan ini secepat mungkin untuk meningkatkan infrastruktur ICT di peringkat UNISEL," katanya.

Dalam pada itu, Prof Dr Anuar turut berkongsi perancangannya bagi tahun ini sempena menyambut ulang tahun ke-15 UNISEL pada Ogos lalu.

Prof Dr Anuar berkata, Unisel akan menganjurkan lebih banyak program di peringkat antarabangsa serta menghantar para pelajar menjalani latihan praktikal di luar negara.

Menurutnya, usaha tersebut perlu dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar supaya tidak merasa janggal sekiranya berpeluang bekerja di luar negara.

Katanya, UNISEL juga menawarkan sijil-sijil yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Itu antara usaha UNISEL untuk memartabatkan pendidikan dan memasukkan kurikulum ke dalam ICT.

"Apa yang penting adalah kurikulum itu sendiri berbanding ICT itu dan kita mahu mempromosikan SPIES (Spiritual, Physical, Intellect, Emotion and Social) dalam melahirkan insan bermoral," katanya.

ISU PERUBAHAN IKLIM PERLU PERHATIAN SEMUA PIHAK

Isu perubahan iklim merupakan perkara penting pada masa kini yang kadangkala tidak diberi tumpuan di kalangan orang ramai walaupun ia memberi impak negatif kepada dunia hari ini.

Atas kesedaran tersebut, Asian Institute for Development Communication dan Universiti Selangor (UNISEL) menganjurkan seminar 'Climate Change Burning Questions For The Media'.

Dekan Fakulti Komunikasi dan Media, Prof Dr Azmuddin Ibrahim berkata, seminar tersebut bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran semua pihak mengenai betapa pentingnya isu tersebut.

Masyarakat perlu sedar bahawa perubahan iklim melibatkan pelbagai perkara antaranya kesihatan, ekosistem, sumber air dan juga agrikultur.

"Isu ini perlu dibincangkan di peringkat yang lebih tinggi dan sebagai sebuah universiti, kita perlu ada program seperti ini bagi mengukuhkan lagi pengetahuan serta kesedaran mengenainya.

"Kita jadikan forum seperti ini bukan sahaja medan untuk berbincang tetapi apa bentuk tindakan perlu diambil pada masa akan datang," katanya ketika ditemui di seminar yang dianjurkan selama dua hari bermula 10 dan 11 September di Hotel Grand Dorsett, Subang yang turut dihadiri oleh Naib Canselor UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad.

Seminar tersebut disertai oleh pelbagai pihak mewakili kerajaan, swasta, media serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Melalui forum tersebut, semua pihak perlu sedar bahawa segala bencana yang berlaku adalah gambaran sebenar isu di peringkat global.

Forum tersebut juga bukan sahaja berperanan sebagai meningkatkan kesedaran sebaliknya apa yang lebih penting apa tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi masalah perubahan iklim.

Prof Dr Azmuddin berharap forum seperti itu dapat dijadikan batu loncatan untuk lebih banyak lagi program-program seumpamanya.

Peserta-peserta semasa forum perubahan iklim

Dr Raja Mohd Tariqi

Pelajar sentiasa membantu antara satu sama lain di dalam kuliah

MAHU LAHIRKAN USAHAWAN, BANTU GRADUAN

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Selangor (UNISEL) berazam untuk melahirkan seberapa banyak usahawan di kalangan pelajarnya di dalam bidang tersebut.

Usaha untuk melahirkan usahawan itu akan memberi banyak manfaat kepada fakulti tersebut dan juga pembangunan negara secara amnya.

Dengan adanya ramai usahawan di kalangan graduan, ia secara tak langsung dapat membuka ruang lebih banyak peluang pekerjaan. Sasaran utamanya adalah untuk menerapkan elemen peluang pekerjaan.

Dekannya, Dr Raja Mohd Tariqi Raja Lope Ahmad mula menyimpan cita-cita tersebut. Beliau berharap sekurang-kurangnya para graduan dapat mewujudkan lima syarikat di bidang tersebut.

Walaupun percaya usaha tersebut memakan masa antara tiga hingga ke lima tahun tetapi beliau yakin ia akan dapat dicapai.

"Kita nak lahirkan usahawan di kalangan pelajar sekurang-kurangnya lima syarikat supaya dapat cipta elemen peluang pekerjaan.

Pelajar menggunakan teknologi yang sedia ada

"Itu sasaran saya kerana sebagai contoh jika satu syarikat boleh ambil 10 pekerja di kalangan pelajar 'junior' bayangkan kalau lebih banyak lagi syarikat sudah pasti dapat bantu para pelajar yang baru bergraduasi," katanya.

Skim Penempatan Pelajar

Bagi memastikan pelajar mendapat pekerjaan dalam tempoh selewat-lewatnya tiga bulan selepas graduan, fakulti mengarahkan pelajar mendapatkan sijil profesional.

Sijil profesional ini perlu diperoleh oleh pelajar sebagai nilai tambah selain akademik bagi memastikan mereka mendapat pekerjaan sebelum tamat semester akhir.

Melalui skim ini, pelajar sekurang-kurangnya akan menamatkan pengajian dengan satu sijil profesional di dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Malah peluang para pelajar untuk mendapat pekerjaaan di dalam industri ICT juga agak cerah melalui skim ini.

Skim yang diperkenal sejak Disember tahun lalu menyaksikan dua kumpulan sudah bergelar graduan dan sekarang sudah masuk kumpulan ketiga menjalani skim ini.

Kumpulan pertama mencatatkan 100 peratus pelajar seramai 22 orang mendapat pekerjaan manakala kumpulan kedua hanya 10 orang daripada 37 pelajar masih belum mendapat pekerjaan.

Ia menepati sasaran fakulti yang menjangkakan seramai 95 peratus mendapat tawaran pekerjaan dalam tempoh tiga bulan selepas tamat belajar.

Melalui skim seperti ini, para pelajar dapat bersaing untuk mendapatkan pekerjaan di dunia sebenar.

Ia merupakan kelebihan buat para pelajar yang mempunyai sijil profesional.

Selain itu, skim ditawarkan ini juga berpatutan kerana yurannya agak murah iaitu RM2,500 di mana ia mengandungi dua teknologi di dalam modul selama empat hingga enam minggu semasa praktikal bermula.

Kebiasaannya yuran bagi sijil profesional berkenaan ditawarkan pada kadar RM5,000 untuk satu teknologi. Di UNISEL, yuran sijil profesional ini meliputi yuran peperiksaan.

Selain memberi peluang kepada pelajar mendapat pekerjaan segera, ia juga secara tak langsung sebenarnya melatih para pelajar berdepan dengan alam pekerjaan.

Dalam pada itu, fakulti turut menggalakkan kakitangan akademiknya turut mempunyai sijil profesional. Fakulti mensasarkan sebelum tahun depan kesemua kakitangan akademiknya sudah memiliki

Memberikan tumpuan penuh semasa sesi pengajaran dan pembelajaran

sijil profesional tersebut yang dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Gedung ilmu terbaik

Fakulti ini merupakan gedung ilmu terbaik bagi pelajar yang mahu meneruskan pengajian memandangkan ia menawarkan sebanyak 17 program.

Program terdiri daripada sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan perisian, multimedia, forensik digital dan keselamatan rangkaian, pengurusan rantaian bekalan dan pengurusan pengetahuan bermula daripada program asasi hingga Ijazah Doktor Falsafah (PHD).

Pelajar juga tidak perlu bimbang untuk menyambung pelajaran di UNISEL kerana kesemua programnya mendapat status akreditasi terbuka (sepanjang hayat) daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Fasiliti pengajaran dan kelengkapan makmal yang terkini serta persekitaran kondusif bagi memudahkan pelajar mendapat pendidikan dalam keadaan selesa.

Terdapat 15 makmal termasuk empat makmal khas dan 13 kelas berkapasiti 40 hingga 50 orang untuk kuliah pelajar.

Fakulti juga mempunyai dewan kuliah yang boleh menempatkan 200 pelajar serta tiga bilik seminar yang boleh memuatkan 80 orang.

Ia ditambah lagi dengan hostel disediakan di Kampus Bestari Jaya memudahkan pelajar untuk pergi ke kuliah dan menjimatkan masa.

Pensyarah bagi kesemua program ini kebanyakan terdiri daripada berpengalaman, tenaga muda, berdedikasi dan inovatif. Fakulti sentiasa komited dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi bersahsiah tinggi selari dengan misi dan visi UNISEL.

UNIVERSITI WUHAN DAN UNISEL
JALIN KERJASAMA AKADEMIK

Lawatan akademik ke Universiti Wuhan (WHU), China pada 13 hingga 17 Oktober lalu membuahkan hasil yang diharap-harapkan. WHU merupakan universiti awam yang ke-5 terbaik di China yang mempunyai bilangan pelajar seramai 120,000 orang dan mempunyai enam fakulti iaitu: Fakulti Humaniti, Fakulti Sains Sosial, Fakulti Sains, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains Maklumat dan Fakulti Sains Perubatan.

Sebelum ini, hasrat awal WHU diterjemahkan semasa lawatan delegasi mereka ke UNISEL pada 30 Januari lalu. Banyak perkara dibincangkan antara lain adalah berkenaan penawaran program serta draf perjanjian yang akan dimetrai nanti. Bagi peringkat pertama, program-program melalui penyelidikan sahaja iaitu peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran akan ditawarkan. Program-program lain seperti Ijazah Sarjana Muda akan ditawarkan dalam peringkat seterusnya.

Justeru itu, lawatan balas ke WHU setelah menerima jemputan membuka peluang kepada UNISEL untuk mengadakan hubungan antarabangsa dengan menawarkan program Francias off-shore Doktor Falsafah Pengurusan sebagai langkah permulaan. UNISEL juga berpeluang untuk menawarkan program pertukaran staf akademik dan pelajar serta penyelidikan pada masa akan datang. Dijadualkan perjanjian persefahaman akan ditandatangi pada Januari 2015 dengan pengambilan pelajar pertama dijangkakan pada Jun 2015.

Maklum balas yang diberikan oleh WHU amat baik dimana mereka sangat berpuashati dengan pembentangan dan agenda perbincangan yang telah diadakan. Diharapkan dengan kerjasama ini, UNISEL dapat memperbaiki kedudukan dalam SETARA dan menarik minat lebih ramai pelajar berbangsa Cina serta antarabangsa untuk memilih UNISEL sebagai destinasi menyambung pengajian nanti.

Delegasi UNISEL yang mengadakan lawatan ke Wuhan

Perbincangan yang diadakan oleh wakil kedua-dua universiti

Para pelajar mendengar dengan penuh minat penerangan yang diberikan oleh kakitangan UNISEL

PUPUK MINAT GENERASI MUDA TERHADAP SAINS DAN TEKNOLOGI

Kerajaan Negeri bersama-sama Universiti Selangor (UNISEL) mahu memperkasakan pendidikan sains dan teknologi bagi memastikan minat generasi muda terhadap bidang tersebut semakin tinggi.

Bagi tujuan tersebut, Institut Bio-IT Selangor menganjurkan Bengkel Pendidikan Science, Technology, Engineering & Mathematics (STEM) Kelab Tunas Ilmuwan Selangor 2014 .

Bengkel dirasmikan oleh bekas Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali.

Ia merupakan bengkel kali ke-4 diadakan oleh institut berkenaan.

Menurut Dr. Halimah, bengkel tersebut bertujuan memberi nafas baru kepada pelajar bagi memupuk minat terhadap STEM.

Ia berikutan situasi pada masa kini mendapati minat pelajar terhadap bidang ini amat rendah.

"Kita jadikan bengkel ini sebagai platform untuk menerapkan sumber ilmu iaitu Al-Quran dan mengilmukan serta memartabatkan rakyat sebagai 'role model' dengan mencapai kejayaan merangkumi duniawi dan juga ukhrawi.

"Bengkel ini bakal mencetuskan golongan yang suka berfikir dan mengkaji segala yang dipelajari" katanya ketika berucap semasa upacara perasmian yang diadakan di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) 11 September 2014.

Bengkel tersebut disertai oleh kira-kira 100 pelajar dari tiga buah sekolah iaitu Maahad Intergrasi Tahfiz Sains & Teknologi Istana Bandar, Kolej Intergrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor serta Sekolah Menengah Islam Al-Farabi.

Melalui bengkel ini, semua pihak perlu sedar pentingnya bidang STEM ini pada masa akan datang. Ia adalah selaras dengan matlamat kerajaan negeri.

Prof Dr Sharr Azni

Antara peralatan yang terdapat di fakulti.

MAHU FAKULTI SAINS DAN BIOTEKNOLOGI TERKENAL DENGAN HASIL PENYELIDIKAN

Menjadikan Fakulti Sains dan Bioteknologi sebagai sebuah fakulti terkenal kerana hasil kajian penyelidikan merupakan impian.

Dekan, Prof Dr Sharr Azni Harmin berkata, beliau berazam untuk memastikan hasrat tersebut dapat dicapai.

"Saya sasar nak tingkatkan lebih banyak kajian kerana mahu jadikan kajian kita terkenal.

"Kalau mengajar itu semua universiti pun lakukan tetapi bila kita sebut kajian masyarakat akan rujuk fakulti ini dan itu adalah impian saya," katanya.

Antara kejayaan fakulti adalah melancarkan unit kultur tisu yang boleh membenihkan nenas.

Selain itu, fakulti mewujudkan stesen perikanan untuk mengeluarkan benih ikan.

Fakulti juga pernah dianugerahkan sebagai fakulti paling banyak mengeluarkan kertas kerja dan juga kajian terbanyak pada 2012.

Beliau turut menyarankan universiti menetapkan sasaran sama ada mahu menjadikan UNISEL sebagai universiti pembelajaran atau penyelidikan.

Apa yang membezakan universiti antara satu sama lain adalah melalui penemuan sesuatu kajian itu. Faktor tersebut akan menonjolkan kehebatan sesebuah universiti itu.

UNISEL perlu menghasilkan lebih banyak hasil kajian pada masa akan datang supaya dapat setanding dengan universiti terkemuka di negara ini. Kajian-kajian hebat dihasilkan itu nanti juga dapat dijadikan sebagai pemasaran bagi menaikkan nama UNISEL.

I belong to UNISEL

Persekitaran sebagai sebuah keluarga dalam sebuah organisasi besar seperti Universiti Selangor (UNISEL) perlu diwujudkan bagi menyemai semangat kekitaan antara semua kakitangan dan para pelajar.

Dengan semangat kekeluargaan yang dipupuk, ia membolehkan semua orang saling sayang menyayangi antara satu sama lain.

Beliau percaya perasaan kekitaan itu akan menyebabkan kakitangan serta para pelajar lebih bersemangat untuk berbakti kepada UNISEL.

Apabila kakitangan dapat merasakan semangat kekitaan itu, sudah pasti segala apa dilakukan dengan sepenuh hati.

Mereka juga pasti akan cuba memberikan yang terbaik untuk memastikan UNISEL menjadi yang terbaik di negara ini.

"Saya cuba wujudkan suasana kekeluargaan di kalangan kakitangan fakulti ini supaya mereka gembira untuk datang bekerja dan juga perasaan kekitaan.

"Kalau nak naikkan UNISEL semua mesti rasa 'I belong to UNISEL'," katanya.

Ketepi sikap negatif

Jumlah pelajar yang menuntut di fakulti yang menawarkan 12 program dari tahun asasi hingga doktor falsafah (PhD) itu setakat ini seramai 600 orang.

Fakulti mensasarkan seramai 800 pelajar pada masa akan datang namun sekiranya dapat mencapai 1,000 orang ia dianggap sebagai bonus.

Prof Dr Sharr Azni berkata, untuk memastikan sasaran tersebut dapat dicapai, faktor apa yang mampu ditawarkan oleh fakulti kepada pelajar adalah amat penting.

Dalam menarik pelajar menyertai UNISEL, fakulti perlu menawarkan sesuatu yang unik berbanding universiti lain.

Ini kerana terdapat banyak universiti menawarkan program yang sama maka sebab itu program fakulti tersebut perlu berbeza berbanding yang lain.

Prof Dr Sharr Azni berkata, pihaknya sedang mengkaji untuk menambah kursus baru melibatkan elemen pengurusan di dalam program ditawarkan.

Kemudahan dan fasiliti melibatkan bilik kuliah terutamanya makmal perlu lengkap kerana ia dapat memberi keselesaan kepada pelajar untuk menuntut ilmu di UNISEL.

Peralatan digunakan bagi sesi pembelajaran dan pengajaran perlu moden bagi mengelakkan ketinggalan teknologi.

Dalam pada itu, beliau mengakui hanya boleh mencetuskan idea tetapi seluruh warga fakulti perlu memainkan peranan penting.

"Saya hanya boleh melontarkan idea tetapi untuk memastikan ia terlaksana memerlukan kerjasama semua pihak.

"Kita perlu mempunyai kajian hebat untuk tujuan pemasaran dan ini juga termasuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan masyarakat," katanya.

Dalam memacu UNISEL maju ke depan, warga universiti tidak boleh bersikap negatif.

Sebarang masalah dihadapi tidak sepatutnya dijadikan penghalang mahupun alasan untuk menjadikan UNISEL sebagai antara terbaik di negara ini.

Warga UNISEL perlu menetapkan sasaran selari dengan misi dan visi ditetapkan universiti supaya apa yang diimpikan dapat dicapai.

Pelajar sedang menjalankan penyelidikan

Prof Dr Anuar (dua, kanan) bersalaman dengan Osman selepas selesai menandatangani MoU

Prof Dr Anuar (dua, kiri) bersama Osman (dua, kanan) melihat pokok kayu gaharu ditanam di Fakulti Kejuruteraan

UNISEL TANDATANGANI MOU BERSAMA SYARIKAT KAYU GAHARU SDN BHD

Universiti Selangor (UNISEL) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama Syarikat Kayu Gaharu Sdn Bhd melalui Fakulti Kejuruteraan sebagai salah satu usaha meningkatkan daya saing universiti.

Kerjasama yang terjalin sejak tahun lalu akhirnya membuahkan hasil apabila draf MoU siap Mei lalu.

Usahasama ini diharapkan dapat membuahkan hasil positif kepada kedua-dua pihak pada masa akan datang.

Pengerusi yang juga merupakan Naib Canselor UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad menyifatkan langkah mengadakan MoU dengan sebuah syarikat terkemuka yang maju di dalam bidang tersebut merupakan satu tindakan wajar.

Ia kerana pelajar UNISEL akan mendapat manfaat melalui program itu yang memberi peluang untuk menimba pengalaman.

Malah para pelajar juga dapat menjalani latihan industri yang ditawarkan di syarikat tersebut.

Syarikat tersebut juga akan memberi tunjuk ajar kepada pihak UNISEL dalam program-program pembangunan yang merangkumi teknologi penanaman, pemprosesan dan pengekstrakkan minyak gaharu sebagai bahan mentah untuk menghasilkan produk hiliran yang dibangunkan.

"Pada masa yang sama, mewujudkan projek-projek yang memberi daya saing kepada UNISEL untuk maju. Sebagai timbal balas, UNISEL menerusi Fakulti Kejuruteraan akan menyediakan staf-staf teknikal dan fasiliti, yang mana dirasakan perlu untuk pembangunan dan kemajuan projek bersepadu"

"Pihak fakulti juga akan melakukan penyelidikan dan kajian ke atas pokok kayu gaharu dalam usaha membangunkan produk gaharu secara bersepadu demi kebaikkan bersama nanti," katanya semasa berucap di dalam majlis yang turut dihadiri oleh Pengerusi Kayu Gaharu Sdn Bhd, Osman Hanapi di Kampus Bestari Jaya.

Prof Dr Anuar berharap kerjasama pintar antara UNISEL dengan Kayu Gaharu akan dapat dilaksanakan dengan mengoptimumkan penggunaan sumber masing-masing dan dapat memastikan ianya digunakan dengan berkesan.

Dalam pada itu, Prof Dr Anuar turut mengucapkan terima kasih kepada syarikat tersebut yang bermurah hati menyumbangkan 200 pokok kayu gaharu sebelum ini.

Pokok-pokok tersebut kini ditanaman di sekitar fakulti berkenaan.

PELAJAR UNISEL BOLOT JOHAN SERTA NAIB JOHAN PERTANDINGAN 'MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA'

Muhamad Azizul (kanan) bersama Muhammad Syukri (dua, kanan) selepas merangkul johan serta naib johan kejohanan tersebut

Pelajar Fakulti Kejuruteraan mengharumkan nama Universiti Selangor (UNISEL) apabila bergelar johan dan naib johan dalam pertandingan 'Minggu Pembinaan Antarabangsa' di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Mereka telah menewaskan wakil daripada Politeknik Ungku Omar dalam pertandingan tersebut. Kedua-dua pelajar itu, Muhammad Azizul Abd Aziz (Johan) dan Muhammad Syukri Mamat (Naib Johan) merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam.

Pencapaian menjuarai pertandingan 'Fast furious slum test' ini amat membanggakan seluruh warga UNISEL kerana ia merupakan penyertaan kali pertama.

Ia sekaligus dapat menaikkan imej serta reputasi UNISEL di kalangan institut pengajian tinggi (IPT) negara.

Kemenangan ini diharap dapat menjadi pencetus kepada seluruh pelajar untuk mencipta lebih banyak ruang keterlibatan selepas ini.

Sesungguhnya kejayaan sebegini merupakan antara indikator keupayaan serta kebolehan setiap pelajar UNISEL juga secara keseluruhannya.

Encik Sayuti Chik

FADEX yang dianjurkan setiap tahun untuk pelajar tahun akhir diploma dan ijazah

TAMBAH TIGA PROGRAM BARU UNTUK TARIK PELAJAR

Antara kursus ditawarkan menarik minat para pelajar

Hasil kerja para pelajar fakulti

Dalam usaha menarik lebih ramai pelajar menyertai Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, pihak fakulti dalam perancangan untuk menambah tiga lagi program.

Tiga program yang disyorkan itu adalah Diploma Seni Halus dan masing-masing Ijazah Fotografi serta Animasi.

Program baru yang mahu diwujudkan ini diharapkan dapat menarik minat lebih ramai pelajar untuk memasuki Universiti Selangor (UNISEL).

Ketiga-tiga program tersebut sudah diluluskan namun masih perlu penambahbaikan dan ia dijangka dapat bermula seawal tahun depan.

Dekannya, Encik Sayuti Chik Tajudin berkata, beliau mensasarkan fakulti mempunyai 1,000 pelajar dalam masa dua tahun akan datang.

"Tiga pertambahan program kita sudah syorkan untuk tarik lebih ramai lagi kerana kita sasarkan 1,000 pelajar dalam masa dua tahun.

"Program-program ini mungkin bermula tahun depan dan kita yakin boleh capai dalam masa dua tahun," katanya.

Untuk menjalankan program-program tersebut, fakulti akan menggunakan kemudahan fasiliti yang sedia ada terlebih dahulu.

Langkah-langkah penambahbaikan akan disusuli kemudian kerana apa yang paling penting adalah mewujudkan program-program tersebut secepat mungkin.

Fasiliti yang sedia ada sudah mencukupi tetapi ia perlu dikemaskini dari masa ke semasa sesuai dengan peredaran zaman.

Teknologi hari ini berkembang pantas memerlukan fakulti sentiasa memantau perkembangannya.

Fasiliti yang canggih akan menarik minat para pelajar selain daripada menyampaikan kepada orang lain mengenai apa yang ada di UNISEL.

Antara perubahan yang sudah dilaksanakan adalah pengubahsuaian bilik foto, studio lukisan, makmal komputer dan peralatan baru untuk lukisan.

Pihak fakulti menukar sistem yang lebih canggih bergantung kepada keperluan.

"Kemudahan fasiliti sudah cukup tetapi penambahbaikan itu amat perlu supaya pelajar-pelajar yang menuntut di sini lebih puas.

"Keutamaan kita adalah fasiliti di kampus kerana ia merupakan tarikan kepada pelajar dan ini juga dapat dijadikan agenda pemasaran," katanya.

Dalam pada itu, fakulti mahu menambah lebih banyak program lagi pada masa akan datang antaranya fesyen.

Encik Sayuti Chik berkata, fesyen tidak akan berkubur ditelan zaman kerana ia kekal sampai bila-bila.

Malah ideanya adalah bukan sahaja fesyen moden sebaliknya turut melibatkan Islamik.

Tekankan disiplin

Faktor kakitangan juga amat penting dalam memastikan fakulti dapat bergerak maju ke depan mengikut perancangan yang disasarkan.

Encik Sayuti Chik seorang yang terkenal sebagai seorang dekan yang sangat mementingkan disiplin. Perwatakannya yang tegas itu adalah bagi memastikan semua kakitangan termasuk para pelajar berdisiplin.

Beliau sering mengambil tindakan 'on the spot' sekiranya mendapati sesuatu perkara itu melanggar peraturan ditetapkan seperti datang lewat dan sebagainya.

Tindakan diambil kerana tidak mahu sikap negatif seseorang individu itu mempengaruhi orang lain hingga menjejaskan fakulti.

Menurutnya, beliau tidak mahu ada pihak mengambil kesempatan kerana ia dapat menggangu usaha untuk mengumpul pelajar cemerlang. Beliau juga mengingatkan bahawa para pelajar adalah pelanggan yang perlu diberi keutamaan.

"Kita perlu ambil kakitangan berwibawa termasuk disiplinnya supaya dapat jadi contoh kepada para pelajar maka sikap perlu positif.

"Kalau mahu pelajar cemerlang ia kena bermula dari pensyarah dan sebagai dekan saya perlu ingatkan pensyarah supaya kita dapat didik mereka dengan profesional tanpa memilih bulu," katanya.

Bukan itu sahaja, para pelajar juga perlu mempunyai sikap untuk bekerjasama sebagai satu pasukan.

Mereka perlu bercampur gaul dengan semua rakan-rakan supaya dapat berjaya bersama-sama dalam mengejar impian masing-masing.

Pencapaian

Setiap tahun pihaknya menganjurkan program untuk pelajar tahun akhir diploma dan ijazah yang dikenali sebagai Faculty Art and Design Exhibition (FADEX).

Pameran tersebut diadakan bertujuan menghimpunkan koleksi hasil karya para pelajar tersebut yang akan dipertontonkan di Dewan Pro-Canselor.

Lebih menarik lagi, fakulti menjemput pihak industri pengiklanan, dan ibu bapa untuk melihat sendiri hasil titik peluh para pelajar.

Melalui pameran seperti itu, mereka dapat lihat potensi sebenar para pelajar yang bakal bergelar graduan.

"Kebanyakan pameran kita buat disanjung industri kerana kerja-kerja bermutu dihasilkan menjadikan ia sebagai satu kebanggaan fakulti.

"Masa pameran juga mereka akan buat pilihan untuk tawarkan pekerjaan di syarikat masing-masing maka ini satu peluang untuk pelajar hasilkan karya untuk ditonjolkan," katanya.

Encik Sayuti Chik berkata, fakulti mahu membantu pelajar dan beri pendedahan sebaiknya kepada mereka.

Selain itu, para pelajar juga pernah mengharumkan nama fakulti apabila tercalon lima filem pendek terbaik daripada 200 penyertaan yang turut disiarkan stesen televisyen swasta.

Seterusnya filem tersebut akan dibawa menyertai Festival Filem Tokyo dan apa yang lebih membanggakan adalah program filem masih belum ada tetapi pelajar sudah mampu menguasainya.

Forum berhubung perangi ekstremisme yang diadakan di UNISEL

Datuk Seri Anwar (dua, kanan) Prof Dr Abdullah Sheikh (tengah) serta Prof Dr Anuar (tiga, kiri) selepas selesai syarahan tersebut

PERANGI EKSTREMISME BAGI BANTERAS KEJAHILAN DALAM DIRI

Usaha memerangi ekstremisme adalah satu cara untuk membanteras kejahilan di dalam diri seseorang muslim daripada sifat keterlaluan.

Ianya adalah tanggungjawab semua pihak tidak kira latar belakang mahupun agama sebenarnya.

Timbalan Dekan Fakulti Ekonomi dan Sains Politik Al Eman Universiti, Prof Dr Abdullah Sheikh Abdul Majeed Al-Zindani menegaskan bahawasanya kepimpinan yang lemah terjadi akibat memisahkan dua perkara penting iaitu iman dan jihad.

Beriman kepada Allah dan Rasul serta berjihad untuk diri sendiri dan harta benda adalah faktor penting dalam melahirkan kepimpinan yang berwibawa.

Sekiranya beriman tanpa jihad, ia akan menjurus kepada lembah penghinaan dan merupakan satu risiko di dalam konsep kepimpinan.

"Ramai pihak di luar sana sering mengaitkan ekstremisme dengan jihad di dalam Islam.

"Ia tidak betul sama sekali, usaha ini adalah salah satu agenda luar berniat jahat memburukkan Islam," katanya ketika menyampaikan syarahan 'Memerangi Ekstremisme' yang diadakan Universiti Selangor (UNISEL) Kampus Shah Alam.

Syarahan turut dihadiri oleh Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan juga Prof Dr Anuar Ahmad selaku Presiden dan Naib Canselor UNISEL.

Program mendapat sambutan mengalakkan daripada luar dan universiti sendiri.

Prof Dr Abdullah Sheikh sedang menyampaikan syarahannya berhubung ekstremisme

Ustaz Azhar sempat 'selfie' bersama para pelajar

KEPERCAYAAN USTAZ AZHAR IDRUS KEBANGGAAN UNIVERSITI

Proses pendaftaran pelajar baru pengajian tahun asas dikejutkan dengan kelibat penceramah bebas, Ustaz Azhar Idrus yang berada di Universiti Selangor, Kampus Shah Alam.

Kehadirannya itu menjadi tumpuan para pelajar yang mengambil kesempatan untuk berjumpa serta bergambar. Tujuan beliau hadir ke UNISEL adalah untuk mendaftarkan anak lelakinya mengikuti program tahun asas perakaunan.

Azhar berkata, beliau memilih UNISEL sebagai tempat pengajian anaknya kerana yakin dengan reputasi universiti ini. Baginya, UNISEL di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri dilihat sebagai medan terbaik untuk anaknya menuntut ilmu.

Dia tidak ragu-ragu membuat keputusan membenarkan anaknya melanjutkan pelajaran di UNISEL kerana menaruh kepercayaan tinggi terhadap mutu pembelajaran serta pengajaran disediakan.

"Senarai program yang ada di UNISEL sememangnya bagus lagipun kita perlu menyokong kerajaan negeri.

"UNISEL bukan sekadar institut pengajian tinggi swasta yang biasa tetapi sebuah universiti yang besar daripada segi kemudahan fasiliti dan sebagainya," katanya ketika ditemui.

Para pelajar mengambil kesempatan bergambar bersama Ustaz Azhar

Prof Madya Dr Setyawan

Para pelajar baru semasa sesi Minggu Tekad Siswa dijalankan

SASAR PUSAT PENGAJIAN ASASI DAN UMUM TERKEMUKA DI ASIA TENGGARA

Prof Madya Dr Setyawan menerima token sebagai Keynote Speaker di 2nd International Conference on Information Systems for Business Competitiveness pada 5 Disember tahun lalu di Semarang, Indonesia

Impian untuk melihat Pusat Pengajian Asasi dan Umum Universiti Selangor (UNISEL) dikenali sebagai paling utama di Asia Tenggara menjadi cita-cita Dekan, Prof Madya Dr Setyawan Widyarto.

Beliau melahirkan keyakinan tersebut dengan segala keupayaan yang dimiliki oleh universiti termasuk tenaga pengajarnya.

Walaupun menyedari perkara itu agak sukar untuk dicapai memandangkan pusat tersebut baru sahaja diwujudkan setahun jagung tetapi beliau tidak mahu berputus asa.

Beliau memasang angan-angan untuk memastikan pusat asasi tersebut menjadi terkenal di Selangor terlebih dahulu dalam tempoh dua tahun akan datang.

Beliau percaya usaha itu tidak mustahil sekiranya semua pihak berusaha dan kekal positif selari dengan misi dan visi UNISEL.

Untuk itu, pusat asasi tersebut perlu mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang selesa kepada para pelajar yang mahu melanjutkan pelajaran tidak kira di dalam atau luar negara.

"Saya dah war-warkan kepada semua kakitangan bahawa kita inginkan pusat asasi ini sebagai pra universiti terulung di Asia Tenggara tetapi secara berperingkat. Saya sasar di Selangor dahulu dan kemudian negara sebelum keperingkat seterusnya.

"Kita komited terhadap pembelajaran dan pengajaran yang menawarkan pengalaman menarik yang kualiti dan cemerlang," katanya.

Perlu bersaing

Umum sedia maklum bukan sahaja UNISEL mempunyai pusat asasinya sendiri tetapi terdapat 450 institut pengajian tinggi swasta (IPTS) turut menawarkannya.

Malah masing-masing menawarkan pelbagai program menarik. Prof Madya Dr Setyawan menyifatkan ia adalah satu cabaran baginya untuk memastikan UNISEL bersaing dengan IPTS yang lain.

Namun begitu, ia tidak boleh dijadikan alasan untuk UNISEL terus maju kedepan. Pusat asasi perlu mencari jalan untuk dijadikan tarikan kepada para pelajar yang mahu menyambung pelajaran.

"Kita kena tekankan kenapa pelajar perlu masuk UNISEL dan apa yang ada di universiti ini. Ini mungkin cabaran secara umum," katanya.

Selain itu, antara cabaran dirasai adalah berhubung aspek kelayakan untuk memasuki ke pusat asasi yang menetapkan lima kredit dalam mata pelajaran.

Ada beberapa program asasi yang memerlukan sains dan matematik kredit namun demikian peratusan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang melepasi syarat adalah sedikit.

Bagaimanapun, dengan adanya Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Latif Ibrahim di UNISEL yang diangkat sebagai tokoh akademik negara ia banyak membantu menarik minat para pelajar.

Beliau merupakan ikon bagi Science Technology Engineering Mathematics (STEM) diharap dapat membantu wujudkan kesedaran kalangan pelajar di peringkat sekolah.

Kesedaran kepentingan STEM adalah amat penting dalam memacu pembangunan negara pada masa akan datang.

Guna fasiliti optimum

UNISEL merupakan sebuah gedung ilmu yang dilihat berpotensi maju ke hadapan dengan pantas walaupun usianya baru mencecah 15 tahun.

Ia dikuatkan lagi dengan fasiliti serta kemudahan yang setanding dengan institut pengajian tinggi (IPT) yang lain.

Program ditawarkan pula adalah banyak menunjukkan ia sebuah universiti yang besar.

Tambahan pula dengan kehadiran pelajar-pelajar antarabangsa yang yakin dengan reputasi UNISEL sebagai platform untuk menyambung pelajaran.

Ia boleh dijadikan sebagai kayu pengukur untuk melangkah jauh ke peringkat antarabangsa.

Keistimewaan UNISEL

UNISEL yang mempunyai dua kampus di Shah Alam dan Bestari Jaya dilihat sebagai satu kelebihan utama.

Faktor tersebut memberikan lebih pilihan kepada para pelajar kerana kedua-duanya menawarkan suasana pembelajaran yang berbeza.

Sebagai contoh di Bestari Jaya suasananya lebih kepada kampus dan sesuai untuk pembelajaran. Cuma persekitaran di Shah Alam mungkin agak mencabar kerana berada di tengah bandaraya.

Malah jika dilihat daripada aspek fasiliti juga UNISEL mempunyai kemudahan sukan sendiri seperti padang dan trek yang bukan wujud di semua IPTS.

UNISEL juga mempunyai asrama sendiri yang boleh menampung kira-kira 5,000 pelajar. Tambah menarik lagi, kemudahan masjid terdapat di Bestari Jaya memudahkan segala aktiviti berkaitan dengan agama islam dijalankan.

Baginya, ia bergantung bagaimana seseorang itu melihat sesuatu perkara sebagai positif atau negatif.

Bagaimanapun, beliau mencadangkan penggunaan fasiliti dipertingkatkan ke tahap optimum. UNISEL boleh menjadi peneraju dengan menjadi tuan rumah untuk sukan melibatkan sekolah.

Ini kerana kebanyakan sekolah atau universiti tidak mempunyai fasiliti seperti itu.

UNISEL PUNYAI REPUTASI BAIK- REKTOR UNRIKA

Universiti Riau Kepulauan (UNRIKA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) buat kali kedua bersama Universiti Selangor (UNISEL) dalam usaha menghantar lebih ramai pensyarah ke sini.

Kali pertama MoU antara kedua-dua universiti ditandatangani pada 2007 bagi mewujudkan kerjasama melibatkan penghantaran pensyarah untuk melanjutkan pelajaran.

Sebelum ini dua orang pensyarah dari UNRIKA melanjutkan pelajaran di UNISEL di bidang Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Rektor UNRIKA, Prof Dr Zainuddin St MPD berkata, kerjasama tersebut adalah bertujuan untuk saling bertukar maklumat antara kedua-dua universiti.

Prof Dr Zainuddin berkata, pemilihan UNISEL sebagai tempat untuk melanjutkan pelajaran dibuat atas faktor reputasi universiti berkenaan.

"Kita pilih UNISEL kerana ia mempunyai reputasi baik selaku salah satu pusat pengajian terkemuka di Malaysia.

"Ini membolehkan kita menghantar lebih ramai lagi pensyarah untuk membuat PHD," katanya.

Buat masa ini, UNRIKA masih belum memutuskan jumlah pensyarah yang akan dihantar melanjutkan pelajaran di UNISEL.

Prof Dr Zainuddin berkata, pihaknya sedang menilai dan mengenal pasti pensyarah yang akan dihantar ke UNISEL. Dalam pada itu, beliau turut mengalu-alukan sekiranya pensyarah UNISEL mahu melanjutkan pelajaran atau mahu mengajar di UNRIKA.

"Kalau ada pensyarah UNISEL berminat untuk melanjutkan PhD di UNRIKA memang saya amat mengalu-alukan.

"Pada masa akan datang kita juga mungkin akan menghantar pelajar kita ke UNISEL," katanya.

Prof Dr Zainuddin (kanan) memuji UNISEL sebagai universiti yang mempunyai reputasi baik

SEMUA PIHAK PERLU JADI EJEN PERUBAHAN BANTU OKU

We Care For OKU (Orang Kurang Upaya) menggesa semua pihak memainkan peranan masing-masing sebagai ejen perubahan dalam membantu golongan kurang bernasib baik.

Pensyarah Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor (UNISEL), Dr Hamdan Mohd Salleh berkata, semua pihak perlu berhenti menuding jari sesama sendiri berhubung perkara seperti ini.

Hamdan berkata, bukan sahaja usaha sebagai penggerak itu diletakkan di bahu kerajaan semata-semata, sebaliknya semua pihak perlu turut sama membantu.

Menurutnya, tindakan penyelesaian secara holistik perlu dikaji supaya masalah dapat diselesaikan kerana kesedaran terhadap isu berkaitan OKU bukan hanya bermusim sebaliknya perlu setiap masa.

"Isu ini perlu diselesaikan secara holistik bukan sahaja membabitkan kerajaan tetapi ibu bapa serta masyarakat perlu bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam memupuk kesedaran terhadap OKU.

"Kerajaan juga perlu sedar kepentingan golongan OKU di mana ia memerlukan sokongan daripada masyarakat," katanya selepas Wacana We Care For OKU Siri ke-3 anjuran UNISEL di Kampus Shah Alam di sini pada 1 Julai lalu, turut dihadiri pengacara merupakan pelakon, Aishah Sinclair yang dilantik sebagai ikon We Care For OKU.

Hamdan berkata, beliau tidak menolak negara ini sedang menuju ke arah tersebut dalam memastikan nasib golongan OKU terpelihara.

Menurutnya, beliau berharap perkara seperti ini bukan hanya bersifat bermusim seperti apa yang menimpa Muhammad Firdaus Dullah, 15, yang dijumpai dalam keadaan terabai di Flat Taman Semarak, Nilai baru-baru ini.

Katanya, pendidikan juga perlu ditekankan kepada kanak-kanak OKU terutamanya mereka yang menghidap 'cerebral palsy' (CP).

"Buat masa ini kanak-kanak CP tidak mendapat pendidikan sewajarnya.

"Perkara ini perlu ditekankan kerajaan," katanya.

Dr Hamdan, semasa berucap di wacana berkenaan

Aishah menurunkan tandatangannya

Dr Hamdan, Aishah serta para pelajar bergambar kenangan

Prof Madya Dr Mohd Fuad

Lawatan akademik pelajar ke Bursa Malaysia

FAKULTI PERNIAGAAN MAHU CONTOHI UNIVERSITI HARVARD

Menjadikan Universiti Harvard sebagai sumber inspirasi, Fakulti Perniagaan Universiti Selangor (UNISEL) berazam mahu bergelar antara 10 terbaik di Asia Tenggara pada masa akan datang.

Fakulti ini menjadikan kejayaan universiti terkemuka yang terkenal dengan sekolah perniagaannya di serata dunia itu sebagai contoh terbaik.

Prof Madya Dr Mohd Fuad Mohd Salleh berkata, beliau berharap perkara itu dapat dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Untuk berada di kedudukan 10 terbaik bukan mudah kerana terpaksa bersaing ratusan universiti yang ada.

Menyedari ia adalah sukar namun beliau tetap optimis perkara tersebut dapat dicapai sekiranya semua pihak di fakulti memainkan peranan masing-masing.

Bagi memastikan impian tersebut bertukar menjadi realiti, perjuangan tersebut bukan hanya disandarkan dibahunya, sebaliknya ia memerlukan komitmen semua kakitangan di fakulti termasuk para pelajar.

Melalui keputusan cemerlang para pelajar akan menaikkan nama fakulti seterusnya UNISEL.

Antara kejayaan pernah dikecapi adalah fakulti tersebut memenangi tempat ketiga pertandingan filem pendek anjuran Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), meningkatkan jumlah pelajar daripada 2,500 kepada 4,500 dalam tempoh dua tahun, pelajar terima anugerah Malaysian Institute of Accountant pada 2012 dan meningkatkan jumlah pensyarah memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) daripada dua ke 13 orang.

Beliau berkata, sasaran tersebut perlu dimulakan dengan mengubah sikap semua yang terlibat di fakulti.

Faktor sikap memainkan peranan utama bagi memastikan kejayaan dapat dicapai dalam mendidik para pelajar.

Sebagai pemimpin, beliau mengakui harus tahu ke mana hala tuju perlu dibawanya selaku nakhoda kapal

"Daya juang belum capai tahap sebenar oleh itu kita kena bentuk untuk lebih maju ke depan dengan melakukan perubahan.

"Yang penting sikap boleh dibentuk bergantung kepada siapa yang membentuk kerana jika betul pengurusannya maka semua kakitangan akan beri kerjasama," katanya.

Kepimpinan melalui teladan

Semua kakitangan perlu tahu peranan masing-masing dengan bantuan kepimpinan di peringkat atasan.

Kejayaan ini memerlukan hubungan dua hala dari atas ke bawah dan bawah ke atas.

Beliau menekankan kepimpinan di semua peringkat amat penting dalam memastikan kelancaran perjalanan fakulti dalam usaha melahirkan pelajar yang berjaya.

"Fasiliti sebenarnya hanya membantu dan melengkapkan. Yang penting adalah bagaimana kita memimpin dan mendidik.

"Untuk membentuk pelajar bukan dari saya sahaja tetapi semua pihak main peranan. Tapi bersediakah kita nak berubah untuk ke arah kejayaan kerana kita perlu buang segala sifat negatif," katanya.

Menurutnya, beliau bersyukur kerana dikurniakan kakitangan yang tidak menolak sekiranya diminta bekerja lebih masa.

Untuk itu, Prof Madya Dr Mohd Fuad mengakui beliau sendiri perlu menjadi contoh kepada semua kakitangan di fakultinya.

Kepimpinan melalui teladan bakal melahirkan insan yang berkaliber dan cemerlang.

Atas kerana rasa sayangnya pada universiti, beliau menempah jaket tertera nama UNISEL di belakang yang akan dipakai setiap kali menghadiri mana-mana seminar terutamanya di luar negara.

Sambil berkongsi kisahnya itu, Prof Madya Dr Mohd Fuad berkata, ia dilakukan kerana mahu mempromosikan UNISEL di mana-mana.

Fakulti contoh

Prof Madya Dr Mohd Fuad turut berazam menjadikan fakultinya sebagai contoh di antara semua fakulti.

Beliau mahu wujudkan suatu keunikan fakulti tersebut hinggakan apabila orang ramai lihat sahaja pelajarnya sudah tahu ia mewakili fakulti perniagaan.

Fakulti perniagaan yang kini mempunyai 4,500 pelajar mensasarkan untuk mempunyai seramai 5,000 orang pada akhir tahun ini.

"Saya nak jadikan fakulti ini sebagai contoh dari pentadbiran akademik hingga ke pelajar. Sebagai contoh bila orang nampak pelajar dah kenal dia dari fakulti mana.

"Kita semua perlu kerja sebagai satu pasukan dengan mewujudkan rasa sayang antara satu sama lain. Kena layan pelajar macam pelanggan, kita wajib serius untuk berjaya dan bersaing dengan institut pengajian tinggi (IPT) lain," katanya.

Buat masa ini, fakulti perniagaan mempunyai 20 pelajar antarabangsa dari Singapura, Thailand, Indonesia, Arab Saudi, Oman, Nigeria dan berkemungkinan turut menerima pelajar dari Brunei pada masa akan datang.

Fakulti juga menjalankan kerjasama dengan Universiti Turki dan juga lebih 10 di Indonesia.

Sedang memasak dan mengedar bubur lambuk kepada para pelajar dan kakitangan

UNIVERSITI HATYAI MAHU JALIN KERJASAMA DENGAN UNISEL

Pengurusan kanan UNISEL bersama dengan wakil Universiti Hatyai

Universiti Hatyai, Thailand mengadakan lawatan ke Universiti Selangor di Kampus Shah Alam bagi membincangkan beberapa perkara untuk kebaikan melibatkan kedua-dua pusat pengajian tersebut.

Universiti Hatyai yang baru ditubuhkan sejak 17 tahun lalu berhasrat untuk mengadakan kerjasama dengan UNISEL di dalam Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA).

Bagaimanapun, perkara tersebut belum diputuskan kerana masih di peringkat cadangan dan mungkin akan dibincangkan pada masa akan datang.

Presiden Universiti Hatyai, Penolong Prof Dr Wittawat Didyasarin Sattayarak menyatakan kegembiraan kerana delegasi seramai tujuh orang itu berpeluang untuk melawat UNISEL walaupun terpaksa mengharungi perjalanan panjang hampir 12 jam menaiki van.

Presiden UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad turut berkongsi kepada semua wakil Universiti Hatyai serba sedikit mengenai kejayaan yang dikecapi oleh universiti ini.

Kedua-dua pihak universiti turut bertukar-tukar pandangan mengenai hala tuju sistem pendidikan. Pertemuan antara wakil kedua-dua universiti juga berlangsung dalam suasana amat mesra.

Pelajar yang baru mendaftar masuk ke asrama

Azman

Vanitha

Zainal

IBU BAPA, PELAJAR PUAS HATI KEADAAN ASRAMA UNISEL YANG BARU

Ibu bapa serta para pelajar yang mendaftar masuk bagi pengambilan Ogos Universiti Selangor (UNISEL) melahirkan rasa puas hati dengan keadaan asrama yang disifatkan sangat baik.

Akauntan, Azman Jaafar, 54, menyifatkan keadaan asrama sebagai sangat memuaskan kerana keadaannya yang luas dan bersih.

Azman berkata, keadaan luarannya juga amat cantik kerana baru dicat serta nampak selesa.

"Bagi saya hostel memang baik dan teratur kerana keadaan alam sekitar di sekitar kampus ini selain daripada bersih serta ruang luas.

"Sebagai anak kelahiran Selangor memang saya bangga negeri ini ada institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) seperti ini," katanya ketika ditemui di asrama Kampus Bestari Jaya.

Guru, Zainal Osman, 48, yang menghantar anak perempuannya daripada Batu Pahat, Johor untuk meneruskan pengajian Ijazah Sarjana Pendidikan sememangnya berasa lega kerana asrama berkenaan sudah boleh diduduki.

Zainal berkata, sebelum ini anaknya menamatkan Pengajian Asasi di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial dan dia tidak teragak-agak mahu anaknya meneruskan pengajian di UNISEL.

Menurutnya, ia ditambah faktor keyakinannya terhadap UNISEL yang disifatkan sebagai sebuah IPTS yang setara dengan institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang ada di negara ini.

"Saya percaya dengan UNISEL sebagai salah satu IPTS yang setaraf dengan IPTA kerana dulu tunggu juga bila asrama nak siap, sekarang dah siap memang lega sebab lebih selamat duduk di dalam.

"Memang cantik bangunan dan selesa. Sebagai ibu bapa saya rasa tenteram. Lebih dekat anak saya nak pergi ke kelas," katanya.

Kampus berkenaan mula diduduki kembali sejak 1 Julai lalu berikutan kerja-kerja baik pulih melibatkan sistem kumbahan serta masalah mendapan tanah.

Harshini berkata, dia selesa belajar di UNISEL kerana mempunyai ramai pensyarah yang bagus malah sistem pengajaran serta pembelajarannya juga sangat baik.

Menurutnya, dia memuji keadaan asrama yang sangat kondusif serta jaraknya yang terletak dekat dengan fakulti.

"Saya amat berpuas hati dengan asrama disediakan kerana jaraknya dekat memudahkan kami untuk belajar.

"Tinggal di dalam ini juga lebih selamat berbanding di luar,' katanya.

Asrama setinggi lima tingkat terdiri daripada 44 blok itu mula beroperasi kembali selepas ditutup kira-kira selama setahun lalu.

Guru, Vanitha Muniandy, 44, berkata, dia sanggup menghantar adiknya, Harshini, 20, dari Perlis untuk menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan kerana kemudahan dan fasiliti disediakan UNISEL sekarang lebih baik berbanding dahulu.

Vanitha berkata, selepas melihat keadaan asrama, dia sangat berpuas hati kerana keadaannya yang sangat selesa.

"Saya percaya suasana pembelajaran lebih selesa dengan segala fasiliti yang ada ini dapat memudahkan adik saya belajar.

Dr Aza Azlina

Tumpuan khas diberikan kepada pelajar

PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH DIIKTIRAF DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Pusat Pengajian Siswazah (CGS) Universiti Selangor (UNISEL) sememangnya diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila hasil kajiannya diterima baik oleh pengkaji luar.

Beberapa tesis pelajar diterima baik untuk diterbitkan sebagai jurnal berimpak tinggi. Bukan sahaja di peringkat antarabangsa tetapi termasuk tempatan mendapat pengiktirafan.

Lebih menarik lagi, sebelum ini CGS tidak menetapkan syarat wajib bagi mana-mana pelajarnya untuk melakukan penerbitan atau pembentangan di mana-mana persidangan.

Atas dasar reputasi CGS yang baik di mata dunia, pusat ini menerima ramai pelajar antarabangsa yang pembiayaan mereka ditaja sepenuhnya oleh pihak kerajaan mereka.

"Kita menyaksikan Indonesia, Oman, Nigeria, Pakistan, telah membiayai pelajar mereka menyambung pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah di UNISEL. Pada Januari 2015 ini, kita akan menerima kumpulan pelajar dari China yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaannya.

"Ini membuktikan, mereka percaya akan kredibiliti kita sebagai sebuah insititusi terkemuka" kata Dekan, Dr Aza Azlina Md Kassim.

Wajib terbit jurnal akademik dan bentang kertas penyelidikan

Bermula semester ini, CGS turut mewajibkan pelajar untuk melakukan penerbitan di jurnal akademik dan pembentangan kertas penyelidikan di persidangan antarabangsa serta tempatan.

CGS menganjurkan Postgraduate Symposium pada 1 November lalu di mana ia akan dijadikan acara wajib pada setiap semester.

Para pelajar CGS mahupun staf UNISEL sendiri boleh membentangkan aktiviti atau hasil kajian mereka.

Pembentangan mereka akan dinilai oleh panel yang dilantik oleh CGS dengan harapan aktiviti-aktiviti ini dapat melahirkan pelajar yang memiliki ilmu penyelidikan dan kemahiran berkomunikasi yang baik.

Bagi program yang berasaskan kuliah atau campuran, CGS memberi penekanan mengenai kepentingan lawatan ke sektor industri dan seminar bersama pakar.

CGS merasakan pentingnya pelajar untuk belajar secara praktikal dan bukan hanya mendengar kuliah semata-mata.

Bengkel ilmiah sepanjang semester

Misi dan visi CGS memberi penekanan terhadap melahirkan graduan yang cemerlang dan beretika dalam bidang penyelidikan.

Oleh itu, CGS sedaya upaya cuba melengkapkan pelajar dengan ilmu yang dapat digunakan sepanjang bergelar pelajar dalam bidang penyelidikan dan selepas pelajar tamat pengajian.

Bagi memberikan asas kukuh dalam penyelidikan, kursus Research Methodology Course (RMC) telah diwajibkan kepada semua pelajar semester satu yang mengikuti program penyelidikan samada di peringkat Sarjana mahu pun Doktor Falsafah.

CGS turut menyusun beberapa bengkel ilmiah yang diselia oleh tenaga pakar yang berwibawa sepanjang semester.

"Antaranya; MS Word and Mendeley for Effective Thesis Writing Workshop, Developing a Research Framework Workshop, How to Write a Good Literature Workshop, Statistical Data Analysis Workshop (SPSS), Workshop on SEM using AMOS and Writing a Research Paper Workshop," katanya.

Tenaga pengajar dan pelajar akrab

Dr Aza Azlina menyifatkan perhubungan di antara tenaga pengajar dan pelajar adalah sangat rapat di UNISEL.

Kebanyakan pelajar apabila ditanya tentang tahap kepuasan hati mereka di UNISEL, mereka akan memberi markah cemerlang terhadap prestasi pensyarah mereka.

Faktor pensyarah juga yang menyebabkan mereka mahu menyambung pengajian dari satu peringkat ke peringkat yang lebih tinggi di UNISEL.

"Senario yang saya lihat, pelajar boleh bercerita apa saja dengan pensyarah dan pada masa yang sama, mereka masih boleh menjaga adab dan tatasusila dalam hubungan antara seorang pelajar dan guru.

"Pensyarah sangat komited dengan tanggungjawab mereka sebagai seorang tenaga pendidik, baik dari aspek pengajaran mahupun penyelidikan. Pada saya, pensyarah di sini adalah salah satu aset terbaik UNISEL," katanya.

Dalam pada itu, Dr Aza Azlina berkata, bagi mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih dinamik serta penghasilan graduan yang ditunggu-tunggu oleh pasaran, UNISEL perlu menambah hubungan dengan pihak industri selari dengan pertambahan jumlah tenaga pengajar dan pelajar di universiti.

Beliau yang baru sahaja mengetuai fakulti tersebut melahirkan rasa syukur kerana dikurniakan kakitangan yang sangat komited.

Walaupun terdapat pelbagai bangsa dan agama tetapi semuanya boleh berkongsi masalah serta bebanan bersama seperti sebuah keluarga besar.

Pameran diadakan dalam usaha menarik para pelajar menyertai fakulti

Prof Dr Mujaini

Pelajar sentiasa fokus di dalam kelas

TENAGA PENGAJAR KOMITED

Pelajar-pelajar menunjukan hasil kerja mereka

Para pensyarah di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial mengajar lebih masa dalam seminggu daripada tempoh ditetapkan demi mendidik para pelajar dalam mengejar cita-cita.

Walaupun hanya perlu mengajar 18 jam seminggu tetapi para pensyarah sanggup mengorbankan masa demi tugas.

Ini kerana mereka sedar tanggungjawab yang digalas dalam membantu para pelajar Universiti Selangor (UNISEL).

Ia bagi membantu meningkatkan prestasi para pelajar di dalam bidang akademik seterusnya menaikkan nama UNISEL untuk bergelar antara institut pengajian tinggi yang terulung di dalam negara walaupun baru berusia 15 tahun.

Dekannya, Prof Dr Mujaini Tarimin memuji para pensyarah UNISEL yang disifatkan sebagai komited terhadap kerja demi para pelajar. Menurutnya, perkara itu dapat dilihat dengan jelas apabila diminta untuk mengajar lebih masa.

Para pensyarahnya tidak pernah menolak atau memberi alasan kerana mahu berkhidmat kepada para pelajar demi memastikan kualiti terbaik pendidikan di UNISEL dapat dicapai.

"Pensyarah-pensyarah mengajar lebih masa walaupun sebenarnya hanya perlu 18 jam kerana bila diminta mereka tidak kisah untuk mengajar lebih masa.

"Contohnya bila minta mengajar Sabtu Ahad pun pensyarah terima tanpa banyak bantahan dan ini boleh bantu pelajar malah beri kesan positif kepada fakulti serta universiti," katanya.

Langkah ini juga sebenarnya beri kesan positif kepada perbelanjaan universiti kerana dapat menjimatkan. Dengan cara ini fakulti tidak perlu mengambil pensyarah sambilan untuk mengisi kekosongan sesi pembelajaran dan pengajaran.

Para pensyarah di fakulti juga kebanyakannya masih muda namun berpengalaman luas di dalam industri.

Cabaran

Prof Dr Mujaini mengakui dalam beliau mengetuai fakulti tersebut selama empat tahun terdapat beberapa cabaran.

Baginya, itu semua adalah lumrah yang perlu diharungi sebagai pendidik dan ketua. Cabaran-cabaran yang sedia ada tidak dianggap membebankan sebaliknya sebagai perkara yang perlu diharungi.

Menurutnya, cabaran paling utama adalah untuk membina sahsiah para pelajar berteraskan misi dan visi. UNISEL mengambil para pelajar daripada pelbagai kaum, latar belakang dan budaya.

Beliau juga menyifatkan bahawa suka atau tidak fakulti perlu menerima para pelajar yang tidak dapat masuk ke institut pengajian tinggi awam (IPTA).

Prof Dr Mujaini berkata, kakitangan sedia ada tidak menimbulkan masalah besar kerana pendekatan digunakan dalam menguruskan fakulti tersebut.

Beliau memberi kebebasan kepada kakitangan untuk menjalankan sebarang program dengan penuh tanggungjawab.

Menurutnya lagi, beliau menerapkan konsep membina kepercayaan terhadap semua kakitangan dan antara satu sama lain.

Beliau juga berharap dapat melahirkan pelajar yang berakhlak kerana sekiranya gagal dalam akademik masih diterima oleh masyarakat.

Tiada gunanya sekiranya cemerlang di dalam akademik tetapi bila masuk ke alam pekerjaan terlibat dengan perkara-perkara negatif.

Impaknya bukan sahaja kepada orang terdekat tetapi boleh meruntuhkan sebuah negara.

Para pelajar mengulangkaji pelajaran tidak kira di mana jua

www.unisel.edu.my

Shaping Society